# Program hibrid sulung ABS 4.0 kongsi ilmu skuasy bersama komuniti

Oleh: Norafiqah Asri




SERDANG, 12 Dis – Sekretariat Sukan Majlis Perwakilan Kolej, Kolej Tun Dr Ismail (KTDI), Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Pusat Sukan dan Kelab Skuasy UPM mengadakan program Aktif Bersama Sifu (ABS) siri keempat, yang dilaksanakan secara hibrid di gelanggang skuasy UPM dan bersiaran langsung di Laman Facebook KTDI, UPM.

Program ABS siri sebelum itu dijalankan secara atas talian.

Pengarah program Aktif Bersama Sifu 4.0, Muhammad Nazreen berkata program itu bertujuan mewujudkan jaringan kerjasama dan perkongsian pintar antara atlet bersama komuniti ke arah memperkenalkan sukan skuasy kepada pelajar dan komuniti.

"Program Aktif Bersama Sifu 4.0 merupakan inisiatif ke arah memastikan sukan skuasy menjadi sukan yang sinonim di negara kita," katanya.




W1VCVKA5:10:52

LIHAT JUGA



Pasukan Salvus UPM juarai Pertandingan 'Shell Varsity Challenge 2021' (/berita/pasukan_salvus_upm_juarai_pertandingan_shell_varsity_challenge_2021-65581)



Ceramah Pasca siswazah FEM – Strategi untuk penerbitan dalam Jurnal Berimpak Tinggi (/berita/ceramah_pasca_siswazah_fem__strategi_untuk_penerbitan_dalam_jurnal_berimpak_tinggi-65579)



Jabatan Fizik UPM Hargai Kecemerlangan Pelajar Meskipun Secara Maya. (/berita/jabatan_fizik_upm_hargai_kecemerlangan_pelajar_meskipun_secara_maya-65578)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
---
pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)




Atlet skuasy kebangsaan, Aifa Azman turut menyertai program itu sebagai atlet jemputan dengan memberi perkongsian dan inspirasi kepada generasi muda agar menceburi sukan skuasy sejak kecil.

BM

“Masih tidak terlambat untuk menyertai sukan skuasy walaupun anda sudah berada dalam lingkungan umur 20-an, mulakan sahaja dan jangan putus asa,” katanya.

Penasihat program, Prof. Madya Dr. Yap Wing Fen berkata program itu bukan sahaja dapat memperkenalkan sukan skuasy kepada komuniti malah program memberi peluang kepada pelajar UPM untuk melatih kemahiran insaniah dalam kemahiran  pengurusan maklumat dan berkomunikasi.

Entiti Kami

Dokumen

Newsletter

Tetapan




“Melalui program ABS 4.0 ini, kita dapat lihat pelajar UPM seperti Adam Agan dan Hafiz Zhafri yang juga merupakan atlet kebangsaan, Jia Wei dan Nalan sebagai atlet skuasy UPM serta presiden Kelab Skuasy UPM, Muhammad Fauzi bahawa mereka bukan sahaja atlet skuasy yang hebat malah mempunyai kemahiran berkomunikasi di khalayak ramai,” katanya.

Ketika ditemui, Hafiz yang juga pelajar Tahun 1, jurusan Bacelor Komunikasi mengungkapkan perasaan bangga dapat berkongsi pengalaman dan kemahiran bermain skuasy kepada komuniti di Malaysia melalui program hibrid itu.

“Ini merupakan program pertama yang saya sertai secara langsung di UPM selepas berdaftar di UPM pada Oktober lalu. Saya amat teruja kerana diberi peluang melibatkan diri dalam program komuniti ini,” katanya.




Program ABS siri keempat itu mendapat sambutan sangat baik dengan tontonan melebihi 1,000 melalui capaian platform Facebook Kolej Tun Dr. Ismail, UPM.

Peserta program, Muhammad Amir Zakwan berkata program itu sangat sesuai disertai oleh komuniti yang mempunyai keinginan untuk menceburi sukan skuasy.

“Setelah menonton program ABS 4.0 secara *live* ini, saya dapat mengetahui kemahiran asas sukan ini. Kaedah program secara hibrid membuatkan saya berasa tertarik menyertainya dan membuat saya tidak sabar untuk mencuba sukan skuasy,” katanya. - UPM

Tarikh Input: 19/01/2022 | Kemaskini: 19/01/2022 | hairul_nizam

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Fprogram_hibrid_sulung_abs_40_kongsi_ilmu_skuasy_bersama_komuniti-65012&title=Program%20Hibrid%20Sulung%20ABS%204.0%20Kongsi%20Ilmu%20Skuasy%20Bersama%20Komuniti%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link) (/#wordpress)

(/#print)

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

---

W1VCVKA5:10:52

**PERKHIDMATAN DALAM TALIAN**

Sistem Permohonan ke Luar Negara (http://bursar1.upm.edu.my/spln/)

Sistem Ilmu Sumber Manusia (SISMAN) (http://www.sisman.upm.edu.my/)

KM Portal (http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/render.action?method=home)

Jawatan Kosong (http://spj.upm.edu.my/)

**PAUTAN LUAR**

Kementerian Pendidikan Malaysia (https://www.moe.gov.my/)

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (http://www.ptptn.gov.my/)

Multimedia Super Corridor (https://mdec.my/msc-malaysia/)

**PAUTAN PANTAS**

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)

Statistik Transaksi Laman Web (http://www.upm.edu.my/statistik)

Tender & Kontrak (http://etender.upm.edu.my/)

Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)

Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my

(http://putra.upm.edu.my) (http://portal.upm.edu.my)

(http://www.pertanika.upm.edu.my) (http://www.learninghub.upm.edu.my)

pspk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM
(24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 |
03-9769 1999

Sistem Baik Pulih ICT (http://zonict.upm.edu.my/)
Putra Learning Hub (http://learninghub.upm.edu.my/)
Sistem Pengurusan Perubatan (http://regmedic.upm.edu.my/)
Sistem E-Claim (http://eclaims.upm.edu.my/login/)
i-GIMS (staf) (http://www.sps.upm.edu.my:8080/igims/index.jsp)
i-GIMS (pelajar pascasiswazah) (http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah) (http://smp.upm.edu.my/smp/action/security/loginSmpSetup)

Portal myGovernment (https://www.malaysia.gov.my/)
Agensi Kelayakan Malaysia (https://www.mqa.gov.my/)

/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)
Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)
Dana Wakaf Ilmu (http://www.wazan.upm.edu.my)
Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)
Takwim UPM 2021 (https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20210421082600TAKWIM_UPM_2021_20.1.2021.pdf)
UPM Flywire (https://landing-pages.flywire.com/landing/upm)

(http://www.psasir.upm.edu.my/)
(https://smp.upm.edu.my)
(http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/)
(http://eclaims.upm.edu.my/login/)
(http://reg.upm.edu.my/eISO/)
(http://emel.upm.edu.my)

BM

Entiti Kami
Dokumen
Newsletter
Tetapan

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (/footnote/hakcipta-29950) RSS (/rss) Penafian (/footnote/penafian-29938) Bantuan (/footnote/bantuan-29937) UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2022 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

W1VCVKA5:10:52